

## **EFIKASI KENDIRI GURU SEKOLAH DALAM HOSPITAL DI MALAYSIA**

(*Self- Efficacy of School in-Hospital Teacher in Malaysia*)

Aswaniza Shamsudin & Rosadah Abd Majid

### **ABSTRAK**

Efikasi kendiri ialah sistem kepercayaan yang berfungsi untuk mengawal diri seseorang individu dari aspek pemikiran, perasaan, motivasi dan tingkah laku. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap efikasi kendiri guru Sekolah Dalam Hospital di Malaysia yang melibatkan seramai 82 orang guru Sekolah Dalam Hospital (SDH) dari 15 buah SDH di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif berbentuk kajian tinjauan. Instrumen kajian adalah menggunakan borang soal selidik yang melibatkan dua bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Guru) dan Bahagian B (Efikasi Kendiri Guru) yang telah diadaptasi daripada *Teacher Sense of Efficacy Scale* (TSES) oleh Tschanen-Moran & Woolfolk (2001). Dapatkan data yang diperoleh daripada kajian ini dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science versi 22.0* (SPSS 22.0) yang melibatkan statistik deskriptif (min dan frekuensi). Dapatkan kajian mendapat bahawa tahap efikasi kendiri guru SDH adalah berada pada tahap tinggi. Hasil daripada kajian ini memberi gambaran bahawa guru SDH mempunyai efikasi kendiri yang tinggi untuk mendidik murid bermasalah kesihatan. Analisis mendapat bahawa dimensi Pengurusan Bilik Darjah mempunyai nilai min yang paling tinggi (min= 4.45) dengan pernyataan item bahawa guru SDH bersedia untuk menyediakan aktiviti pembelajaran yang sesuai untuk murid yang terdiri daripada pelbagai masalah kesihatan berdasarkan keupayaan murid.

**Kata kunci:** Efikasi kendiri, Guru Sekolah Dalam Hospital, murid bermasalah kesihatan, tahap, Malaysia

### **ABSTRACT**

Self-efficacy is a belief system that serves to control an individual's thoughts, feelings, motivation and behaviour. The purpose of this study was to identify the level of self-efficacy of School In-Hospital teachers in Malaysia involving 82 SDH teachers from 15 SDH in Malaysia. This study is a quantitative study in the form of a survey study. The research instrument is using questionnaire which involves two parts: Division A (Teacher Demographics) and Part B (Teacher's Efficiency) which have been adapted from Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES) by Tschanen-Moran & Woolfolk (2001). Data obtained from this study were analysed using Statistical Package for Social Science version 22.0 (SPSS 22.0) which involves descriptive statistics (min and frequency). The findings show that the level of self-efficacy of SDH teachers is at high level. The outcome of this study illustrates that SDH teachers have high self-efficacy to educate health-poor students. The analysis found that the dimension of Classroom Management has the highest mean value (min = 4.45) with the item statement that SDH teachers are prepared to provide suitable

learning activities for students who are suffering from various health problems based on the students' ability.

**Keywords:** Self-efficacy, School In-Hospital teachers, health-poor students, levels, Malaysia

## PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan aset yang paling penting dalam pembangunan individu dan negara. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) juga jelas menunjukkan peranan dan kepentingan pendidikan sebagai usaha berterusan yang bertekad untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan bagi mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. Kualiti pendidikan yang tinggi merupakan faktor kritikal yang boleh menjamin kesejahteraan hidup yang menyumbang kepada perubahan yang signifikan kepada kualiti kehidupan rakyat dan seterusnya merangsangkan pembangunan dan perkembangan negara. Seiring dengan saranan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) yang memperjuangkan “Pendidikan Untuk Semua” di mana peluang pendidikan disediakan bermula daripada awal kanak-kanak sehingga pendidikan sepanjang hayat pada peringkat dewasa, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut mengambil inisiatif dan komitmen yang tidak berbelah bahgi dalam usaha menyediakan pendidikan kepada rakyat tanpa mengambil kira bangsa, agama, jantina, peringkat dan latar belakang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Dalam usaha untuk memperluaskan akses dan ekuiti pendidikan serta meningkatkan kualiti pendidikan negara, pelbagai strategi yang komprehensif telah dirancang dan dilaksanakan oleh KPM. Dalam hal ini, KPM turut menggembungkan tenaga bersama-sama dengan agensi dan kementerian lain untuk memastikan kanak-kanak dan remaja berpeluang mengikuti pendidikan terutamanya murid kumpulan khusus yang terdiri daripada murid berkeperluan khas dan bermasalah kesihatan. Menyedari hakikat ini, KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Yayasan Nurul Yaqeen (YNY) telah mewujudkan pendidikan untuk murid bermasalah kesihatan yang menerima rawatan dalam tempoh yang lama di hospital menerusi Program Sekolah Dalam Hospital (SDH) pada tahun 2011. Berdasarkan data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), jumlah kemasukan pesakit yang berumur antara 5 hingga 19 tahun adalah seramai 239,075 orang atau sembilan peratus daripada 2,159,919 orang pesakit pada tahun itu (Yayasan Nurul Yaqeen, 2014). Statistik ini menunjukkan bahawa murid yang terpaksa meninggalkan sekolah harian dan menerima rawatan di hospital adalah dalam bilangan yang besar. Oleh itu, Program ini diwujudkan bagi menyediakan pendidikan berterusan secara formal dan berstruktur dalam persekitaran yang kondusif kepada murid yang dirawat di hospital bagi mengelak kecinciran. Terdapat 15 buah Program SDH di 15 buah hospital di Malaysia sehingga April 2018 (Bahagian Pendidikan Khas, 2018).

Melalui Program SDH, guru dipilih berdasarkan kriteria tertentu dan telah menjalani beberapa sesi kursus bagi melayakkan mereka berkhidmat di SDH untuk mendidik murid-murid bermasalah kesihatan di hospital. Cabaran utama guru SDH ialah mereka terpaksa menyesuaikan diri dalam persekitaran dan situasi baharu yang ternyata berbeza dengan persekitaran sekolah tipikal. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana tahap efikasi kendiri guru atau kemampuan guru dalam melaksanakan pengajaran di SDH yang menuntut mereka berhadapan dengan murid bermasalah kesihatan dalam persekitaran hospital. Menurut Bandura (1998), kesediaan guru dalam menghadapi cabaran tanggungjawab serta senario murid masa kini secara tidak langsung dipengaruhi oleh

kepercayaan peribadi guru terhadap keupayaan serta kemampuan diri dalam menjalankan tanggungjawab tersebut dan kepercayaan peribadi inilah yang dikenali sebagai efikasi kendiri (A. Bandura 1998). Seseorang yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi percaya bahawa hasil yang diingini akan dapat dizahirkan dengan baik apabila melakukan sesuatu tindakan yang sepatutnya (Nik Aida Suria, 2016).

Oleh itu, guru yang mempunyai efikasi kendiri tinggi lebih bersedia menerima inovasi dalam sistem pendidikan dan akan menjadi pendorong utama kepada perkembangan pendidikan negara. Guru yang komited dan berdedikasi juga menentukan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan. Keberkesanan bukan sahaja bergantung kepada kemahiran mengajar malah termasuk sikap dan perasaan guru terhadap tugas mereka. Guru yang percaya kepada kebolehan diri akan berusaha bersungguh-sungguh, komited terhadap kerja dan menunjukkan prestasi kerja yang lebih baik. Mereka juga akan sentiasa bersedia memberi pandangan dan sumbangan demi kepentingan sekolah. Bahkan guru yang berefikasi tinggi dapat mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh organisasi mereka (Affendi, 2014). Individu yang mempunyai efikasi kendiri tinggi dikatakan lebih rajin bekerja dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama berbanding individu yang mempunyai efikasi kendiri rendah (Wood & Bandura, 1989). Menurut Nurahimah dan Rafisah (2010), tahap efikasi kendiri guru yang tidak menentu dan menurun memberikan impak yang negatif terhadap kualiti pendidikan yang diberikan kerana variable ini mempunyai hubungan signifikan positif. Efikasi kendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan (Bandura, 1986). Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk melihat tahap efikasi kendiri guru SDH. Hal ini kerana ianya berkaitan dengan prestasi, di mana guru yang mempunyai efikasi kendiri tinggi, kepuasan kerja, dan kecerdasan emosional yang baik akan dapat meningkatkan prestasi kerja mereka (Tambingon, 2011).

## **SOROTAN KARYA**

Kajian lepas menunjukkan bahawa efikasi kendiri merupakan komponen penting dalam bidang pendidikan kerana implikasinya terhadap kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran. Para penyelidik melaporkan korelasi positif antara efikasi guru dengan pencapaian pelajar, prestasi guru, kepimpinan dan konteks sekolah. Efikasi kendiri guru yang tinggi telah menunjukkan hubungan positif dengan pencapaian pelajar yang tinggi (Ross 1992). Guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi didapati menunjukkan beberapa ciri iaitu; (1) mereka lebih cenderung untuk menerima perubahan, (2) mereka meletakkan tanggapan yang lebih tinggi pada keupayaan akademik pelajar, (3) mereka tidak mengalah biarpun berdepan cabaran, (4) memamerkan kemampuan yang lebih tinggi dalam menguruskan tekanan dan menyumbang kepada perkembangan motivasi dan membimbing kognitif pelajar (Tschannen-Moran & Hoy, 2001).

Dalam bidang pendidikan guru, efikasi kendiri merujuk kepada persepsi kendiri guru terhadap kemampuan mereka untuk mengajar dengan berkesan dan persepsi mereka terhadap kemampuan mengawal hasil pembelajaran di dalam kelas selain mempengaruhi motivasi dan pencapaian pelajar (Friedman & Kass 2002). Hal ini memainkan peranan besar dalam membantu guru mengadaptasi usaha terhadap perubahan. Terdapat dua konsep asas yang membina efikasi kendiri guru. Konsep pertama menggunakan Teori Pembelajaran Sosial Rotter (1966) sebagai asas teori. Penyelidik dari Research and Development (RAND) Corporation merupakan kumpulan pertama yang mengusulkan konstruk keberkesanan guru dan mengkaji sejauh mana guru-guru percaya bahawa mereka boleh mengawal tindakan mereka, iaitu sama ada kawalan dari diri mereka sendiri (*internal locus*) atau persekitaran (*external locus*) (Tschannen-Moran & Hoy, 2001).

Oleh itu, kajian ini adalah berlandaskan Teori Kognitif Sosial sebagai kerangka konsep kajian yang menganggap bahawa manusia bertindak dalam struktur sebab-musabab yang saling bergantungan melibatkan penyebab *triadic* (Bandura 1986). Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan model efikasi guru yang dicadangkan oleh Tschanne-Moran & Hoy (2001) yang telah meneroka isu-isu yang berkaitan dengan pengukuran efikasi guru dan telah mengemukakan model pengukuran efikasi kendiri yang menilai tiga elemen efikasi kendiri iaitu; (1) efikasi kendiri penglibatan murid, (2) efikasi kendiri strategi pengajaran dan (3) efikasi kendiri pengurusan bilik darjah. Istilah penglibatan murid digunakan bagi memberi gambaran tentang kesediaan murid memberi respond aktif atau mengambil bahagian dalam aktiviti rutin sekolah, seperti menghadiri kelas, menyiapkan dan menghantar tugas-tugas sekolah serta mematuhi peraturan atau arahan guru (Tschanne-Moran & Hoy, 2001). Penglibatan murid telah dijadikan ukuran dalam menilai tahap efikasi kendiri guru dan keberkesanan sesi pengajaran dalam kajian ini.

Satu kajian yang dijalankan di hospital Finland ke atas kanak-kanak berusia 4-6 tahun mendapati bahawa rasa takut terhadap rawatan yang bakal diterima oleh kanak-kanak di hospital dapat diatasi dengan menggunakan strategi yang berunsurkan permainan dan *active role play* (Salmela et al. 2010). Strategi ini dapat dilaksanakan dengan baik hasil kolaborasi antara pihak hospital dan ibu bapa. Oleh itu, guru-guru SDH perlu mempunyai kesediaan dan keyakinan yang tinggi dalam merancang strategi pengajaran bercirikan didik hibur bagi menarik penglibatan murid dalam sesi pengajaran mereka. Selain itu, satu kajian telah dijalankan oleh Coyne (2013) di lapan buah hospital United Kingdom dan Ireland terhadap 83 orang kanak-kanak dan remaja berusia tujuh hingga 18 tahun yang menghadapi masalah kesihatan kronik. Kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti aspek ketakutan pesakit semasa di hospital. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima aspek utama yang ditakuti pesakit tersebut iaitu (1) takut untuk berpisah dengan ahli keluarga dan kawan, (2) takut dengan persekitaran yang asing dan tidak biasa, (3) takut akan pemeriksaan dan rawatan, (4) takut akan kehilangan kuasa untuk membuat keputusan sendiri dan (5) takut akan mati (Coyne, 2013). Oleh itu, selain daripada pihak hospital, guru di SDH juga boleh mewujudkan persekitaran yang kondusif kerana ia akan turut membantu kanak-kanak mengatasi rasa takut mereka semasa di hospital. Walau bagaimanapun, objektif ini hanya akan tercapai sekiranya guru di SDH mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dalam menggalas tugas sebagai guru SDH.

## METODOLOGI KAJIAN

### ***Reka bentuk & Sampel Kajian***

Kajian ini merupakan kajian deskriptif berbentuk tinjauan yang melibatkan 82 orang guru SDH dari 15 SDH di Malaysia. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sepenuhnya, di mana data dikumpul daripada satu jenis instrumen sahaja iaitu borang soal selidik.

### ***Instrumen Kajian***

Borang soal selidik merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini dan dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A ialah berkaitan dengan demografi guru yang dan Bahagian B adalah berkaitan efikasi kendiri guru. Item bagi Bahagian B menggunakan skala *likert-type* lima (5) mata yang bermula dengan 1 (Sangat tidak yakin) hingga 5 (Sangat yakin). Pemprosesan data dilaksanakan dengan menggunakan sistem perisian *Statistical Packages for*

*Social Science (SPSS)* versi 22.0 dan data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (min dan frekuensi). Bagi mengukur efikasi kendiri guru, instrumen yang digunakan diadaptasi daripada *Teacher Sense of Efficacy Scale* (TSES) oleh Tschannen-Moran & Woolfolk (2001). Instrumen ini adalah dalam versi Bahasa Inggeris dan kemudiannya telah diterjemahkan ke dalam versi Bahasa Melayu. Proses terjemahan instrumen dijalankan secara *back translation* (Richard, 1970). Instrumen ini telah melalui proses kesahan bahasa dan kesahan kandungan oleh seorang guru pakar bahasa serta dua orang pakar dalam bidang Sekolah Dalam Hospital dari Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan di hospital yang mempunyai program Sekolah Dalam Hospital (SDH) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Sekolah Dalam Hospital di Malaysia

Bil	Sekolah Dalam Hospital	Negeri
1	SDH Hospital Kuala Lumpur (HKL)	Kuala Lumpur
2	SDH Ampang	Selangor
3	SDH Serdang	Selangor
4	SDH Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)	Kuala Lumpur
5	SDH Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)	Kelantan
6	SDH Hospital Sultanah Aminah (HSAJB)	Johor
7	SDH Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS)	Pahang
8	SDH Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF)	Johor
9	SDH Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	Kuala Lumpur
10	SDH Hospital Selayang	Selangor
11	SDH Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ)	Negeri Sembilan
12	SDH Hospital Wanita & Kanak-Kanak Sabah (HWKKS)	Sabah
13	SDH Hospital Umum Sarawak (HUS)	Sarawak
14	SDH Hospital Tawau	Sabah
15	SDH Sultanah Nur Zahirah	Terengganu

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, (2018)

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Demografi Responden**

Sejumlah 82 set borang soal selidik diedarkan kepada responden dan sebanyak 82 (100%) set borang dikembalikan. Hasil daripada dapatan yang diperoleh, didapati sebahagian guru SDH ialah guru perempuan iaitu seramai 57 orang (69.5%) dan hanya 25 orang (30.5%) responden adalah merupakan guru lelaki. Latar belakang guru yang seterusnya menunjukkan umur guru SDH. Guru yang berumur antara 30 hingga 35 tahun merupakan guru yang paling ramai iaitu seramai 31 orang (37.7%). Manakala guru SDH yang berumur antara 46 hingga 50 tahun adalah paling sedikit iaitu seramai 5 orang (6.0%).

Dapatan menunjukkan gred guru yang berkhidmat di SDH paling ramai ialah gred DG44 (KUP) iaitu seramai 59 orang (72.0%) dan hanya seramai 3 orang (3.9%) ialah gred DG48 (KUP). Guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 6 hingga 10 tahun mempunyai kekerapan paling tinggi iaitu 38 orang (46.3%) dan kekerapan paling rendah ialah pengalaman selama 1 hingga 5 tahun iaitu 4 orang (4.9%). Berdasarkan dapatan

demografi bagi item pengalaman mengajar, jelas menunjukkan bahawa guru-guru yang berkhidmat di SDH merupakan guru yang mempunyai pengalaman dalam bidang pendidikan. Perincian demografi responden adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Demografi responden

<b>Demografi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	25	30.5%
Perempuan	57	69.5%
<b>Umur</b>		
30 – 35 tahun	31	37.7%
36 – 40 tahun	27	33.0%
41 – 45 tahun	13	15.9%
46 – 50 tahun	5	6.0%
51 – 60 tahun	6	7.2%
<b>Demografi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Gred</b>		
DG41	20	24.4%
DG44 (KUP)	59	72.0%
DG48 (KUP)	3	3.7%
<b>Demografi</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan</b>
<b>Pengalaman Mengajar</b>		
1 hingga 5 tahun	4	4.9%
6 hingga 10 tahun	38	46.3%
11 hingga 15 tahun	17	20.7%
Lebih 15 tahun	23	28.0%
<b>Pengalaman Mengajar di SDH</b>		
Kurang dari satu tahun	3	3.7%
1 hingga 5 tahun	59	72.0%
Lebih 5 tahun	20	24.4%

Sumber: Kerja Lapangan (2018)

N=82, 100 peratus

### **Tahap Efikasi Kendiri Guru Sekolah Dalam Hospital (SDH)**

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai yang digunakan untuk menentukan tahap efikasi kendiri guru SDH. Analisis menunjukkan bahawa efikasi kendiri guru bagi dimensi pengurusan bilik darjah mencatatkan min paling tinggi ( $\text{min}=2.50$ ,  $\text{sp}=0.55$ ). Diikuti oleh dimensi strategi pengajaran yang juga berada pada tahap tinggi ( $\text{min}=2.05$ ,  $\text{sp}=0.90$ ). Manakala dimensi penglibatan murid berada pada tahap sederhana ( $\text{min}=2.34$ ,  $\text{sp}=0.57$ ). Oleh itu, secara keseluruhannya, efikasi kendiri guru SDH bagi dimensi strategi pengajaran dan pengurusan bilik darjah berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, efikasi kendiri guru SDH bagi dimensi penglibatan murid berada pada tahap sederhana dengan nilai peratusan sebanyak 50%.

Jadual 3: Tahap efikasi kendiri melibatkan tiga dimensi

No	Efikasi Kendiri	Kekerapan dan Peratusan			Min	Sisihan Piawai	Tahap (dominan)
		Rendah (15 – 18.32)	Sederhana (18.33– 21.65)	Tinggi (21.66– 25.00)			
1	Penglibatan murid	3 (3.7%)	41 (50%)	38 (46.3%)	2.43	0.57	Sederhana
2	Strategi pengajaran	31 (37.8%)	16 (19.5%)	35 (42.7%)	2.05	0.90	Tinggi
3	Pengurusan bilik darjah	2 (2.4%)	37 (45.1%)	43 (52.4%)	2.50	0.55	Tinggi

Sumber: Kerja Lapangan (2018)

Secara khusus, efikasi kendiri guru SDH bagi dimensi pengurusan bilik darjah adalah yang paling tinggi nilai min iaitu 2.50 dengan purata lima item. Jadual 4 menunjukkan item yang mempunyai min yang paling tinggi.

Jadual 4: Item yang mempunyai nilai min paling tinggi

No item	Efikasi Kendiri	Min	Penyata Item
EK 14	Pengurusan Bilik darjah	4.45	Menyediakan aktiviti pembelajaran yang sesuai untuk murid yang terdiri daripada pelbagai masalah kesihatan

Sumber: Kerja Lapangan (2018)

Tahap efikasi kendiri guru Sekolah Dalam Hospital berada pada tahap yang tinggi di mana efikasi kendiri guru SDH bagi dimensi pengurusan bilik darjah mempunyai nilai min paling tinggi iaitu 4.45 dengan penyataan item “Menyediakan aktiviti pembelajaran yang sesuai untuk murid yang terdiri daripada pelbagai masalah kesihatan berdasarkan keupayaan murid”. Hal ini menunjukkan bahawa guru SDH yakin akan kebolehan diri mereka untuk melaksanakan pengajaran di SDH. Kajian yang dijalankan oleh Bandura (1986) menyatakan bahawa individu yang mempunyai efikasi kendiri tinggi lebih rajin bekerja dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama berbanding individu yang mempunyai efikasi kendiri rendah. Dapatan ini juga selari dengan kajian lepas yang dijalankan ke atas sekumpulan jururawat di Taiwan yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kompetensi, efikasi kendiri dan komitmen kerja di mana faktor pengetahuan, sikap, kemahiran dan tempoh berkhidmat merupakan faktor kepada peningkatan efikasi kendiri (Tsai et al., 2014).

## KESIMPULAN

Efikasi kendiri yang tinggi dengan amalan pedagogi yang mantap akan menyumbang kepada personaliti yang berani mendepani cabaran serta menjadi elemen penting yang mempengaruhi komitmen dan prestasi kerja para guru (Nik Aida Suria, 2016). Ditambah pula dengan pendidikan kini yang memberi keutamaan terhadap pembinaan personaliti unggul para guru yang berupaya mengadaptasi diri mereka mengikut arus perubahan semasa kerana kualiti yang ada pada guru akan memberi kesan secara langsung ke atas kualiti murid. Bagi guru-guru di Sekolah Dalam Hospital, mereka perlu berhadapan dengan murid yang menghidap penyakit kanser, penyakit buah pinggang, masalah tulang, paru-paru dan sebagainya yang

mempunyai emosi tidak stabil. Murid ini sering mengalami tekanan emosi, berasa kesepian, kesunyian, tidak bermotivasi dan seterusnya menyebabkan keadaan penyakit bertambah kritikal (Norlaila, 2007). Justeru, dicadangkan juga agar kaedah pengajaran secara didik hibur dipelbagaikan dalam pengajaran guru supaya pembelajaran akan menjadi lebih seronok dan berfokus walaupun murid sedang bertarung dengan pelbagai masalah kesihatan. Kaedah ini diyakini dapat mengurangkan tahap kebimbangan dan ketakutan murid kepada guru kerana konsepnya yang santai dan berhibur akan menjadikan murid sentiasa berada dalam keadaan pembelajaran yang positif (Zahar & Afferro, 2016). Justeru, guru yang percaya dengan kebolehan dan keupayaan diri sendiri disertai dengan komitmen kerja yang tinggi akan dapat menyahut agenda pembangunan modal insan dalam pendidikan Negara. Ini bermakna apabila guru mempunyai efikasi kendiri yang tinggi serta mempunyai komitmen kerja yang sewajarnya akan dapat memberi sumbangan yang terbaik dalam penyediaan modal insan Negara (Billingsley et al., 2004).

## **RUJUKAN**

- Affendi., (2014). Tahap Kepuasan Kerja Dan Komitmen Organisasi Dalam Kalangan Guru Kolej Vokasional : Pendekatan Structural Equaton Model. *Journal of Chemical Information and Modeling* 53(9): 1689–1699. doi:10.1017/CBO9781107415324.004
- Anuar Ahmad & Nelson Jinggan., (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* Bil 3(2): 1–11.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2014). Manual Pelaksanaan Program Sekolah Dalam Hospital, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bandura, a, Barbaranelli, C., Caprara, G. V & Pastorelli, C., (2008). (Perspektif Teori Kognitif Sosial dan Implikasinya terhadap Pendidikan) Abd . Mukhid. *Child development* 72(1): 187–206. Retrieved from <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/15350854>.
- Bandura, A., (1998). Self-efficacy. *Encyclopedia of human behavior*, 4(1994), 1–65. doi:10.1002/9780470479216.corpsy0836.
- Bandura, A., (1986). The Explanatory and Predictive Scope of Self-Efficacy Theory. *Journal of Social and Clinical Psychology* 4(3): 359–373. doi:10.1521/jscp.1986.4.3.359.
- Billingsley, B. ., Carlson, E. & Klein, S., (2004). The Working Conditions and Induction Support of Early Career Special Education. *Exceptional Children* 70(3): 333–347.
- Chen, J. & Silverthorne, C., (2008). *The impact of locus of control on job stress, job performance and job satisfaction in Taiwan*. *Leadership & Organization Development Journal* 29(7): 572–582. doi:10.1108/01437730810906326.
- Chua Y.P., (2006). Kaedah dan Statistik Penyelidikan. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Davies, J. A., (1971). *Elementary survey analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Mohamod, Kasim, S. Gaelle., (2014). Council for Innovative Research. *Journal of Advances in Chemistry*, 10(1), 2146–2161. doi:10.13140/RG.2.1.3973.9042.
- Norlaila Hamima Jamaluddin. (2007). <https://intimku.com/2007/10/10/gangguan-emosi-kanak-kanak-bermalam-di-hospital/>.
- Nik Aida Suria., (2016). Hubungan Sokongan Guru Besar, Efikasi Kendiri, Efikasi Kolektif Dengan Komitmen Kerja Guru Pendidikan Khas. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Richard W. Brislin., (1970). *Back-Translation for Cross -Cultural Research*. *Journal of Cross-Cultural Psychology*.
- Salmela, M., Salanterä, S., Ruotsalainen, T. & Aronen, E. T., (2010). Coping strategies for hospital-related fears in pre-school-aged children. *Journal of Paediatrics and Child Health*

- Health* 46(3): 108–114. doi:10.1111/j.1440-1754.2009.01647.x.
- Tambingon, H. N., (2011). Hubungan Efikasi Diri, Kepuasan Kerja, dan Kecerdasan Emosional dengan Komitmen Kerja Guru Sekolah Menengah Atas Negeri Henny. *jurnal Fakultas Teknik Universitas Negeri Manado*, 18, 153–160.
- Tsai, C. W., Tsai, S. H., Chen, Y. Y. & Lee, W. L., (2014). A study of nursing competency, career self-efficacy and professional commitment among nurses in Taiwan. *Archivio Italiano di Urologia e Andrologia*, 49(1), 96–102. doi:10.1080/10376178.2014.11081959.
- Tschannen-Moran, M. & Hoy, A. W., (2001). Teacher efficacy: Capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education* 17(7): 783–805. doi:10.1016/S0742-051X(01)00036-1.
- Zahar & Afferro., (2016). *Penerapan Kaedah Didik Hibur Terhadap Motivasi Belajar Di Kalangan Murid Di Sebuah Sekolah Rendah Daerah Kluang*. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

**Aswaniza Shamsudin,**  
Pelajar Ijazah Sarjana di Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
cikguaswaniza@gmail.com

**Rosadah Abd Majid (PhD),**  
Professor Madya di Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
rosadah@ukm.edu.my